



PEMBALAKAN rakus sejak 20 tahun lalu mengubah alam semula jadi Sungai Pahang dan Taman Negara Kuala Tahan.



PRESIDEN Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil menunjukkan air Sungai Lau yang tercemar dan berlumpur akibat pembalakan.



SUNGAI Pengau berlumpur akibat pembalakan di kawasan Ulu Tembeling, Jerantut.

Aktiviti pembalakan punca Sungai Pahang cetek, alam semula jadi musnah

Taman Negara bakal lenyap

Laporan Khas

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
dan AHMAD ZAKWAN KHIDZIR
FOTO: MOHD. RIDUAN RIZAL
AHMAD

JERANTUT - Aktiviti penerokaan hutan yang semakin rakus di kawasan hulu Sungai Pahang menjadi punca utama beberapa kawasan di sungai tersebut hampir kering dan kini paras airnya tinggal setakat buku lali.

Tinjauan *Kosmo!* di Taman Negara Kuala Tahan dan Ulu Tembeling dengan jelas dapat melihat aktiviti pembalakan yang semakin drastik berlaku di sekitar kawasan Hutan Simpan Tekai dan Hutan Simpan Tembeling.

Tindakan itu mengakibatkan Sungai Tembeling menjadi cetek kerana berlakunya mendapan serta hakisan pasir yang berpunca daripada penebangan balak.

Beberapa batang anak sungai seperti Sungai Tekai, Sungai Tabung, Sungai Bubut dan Sungai Pengau yang mengalir ke Sungai Tembeling turut terjejas dengan semakin cetek, keruh dan penuh dengan mendapan pasir.

Anak-anak sungai itu dipercayai mengalami kemusnahan kerana kawasan tadahan air turut rosak akibat kegiatan pembalakan.

Turut menyumbang kepada kemusnahan sungai-sungai itu ialah apabila beberapa laluan balak dibina bagi mengeluarkan hasil hutan.

Keadaan di kawasan hulu Sungai Tembeling

NGO luah kebimbangan aktiviti pembalakan tidak terkawal jejas kawasan tadahan air

Sungai Pahang semakin kering



KERATAN *Kosmo!* 22 Julai 2015.

Bukan sahaja Taman Negara dikhuatiri lenyap malah keseluruhan Sungai Pahang juga musnah kerana Ulu Sungai Tembeling merupakan punca air Sungai Pahang

ABDUL JALIL ABDUL RAHIM

iaitu di Kampung Mat Daling lebih dahsyat apabila keadaan airnya hampir kering dan dipenuhi dengan mendapan pasir.

Sungai Tembeling merupakan salah sebatang sungai yang mengalir ke Sungai Pahang selain Sungai Jelai dan Sungai Semantan.

Presiden Persatuan Pengusaha Pelancongan Kuala Tahan, Abdul Jalil Abdul Rahim berkata, aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Tekai dan Hutan Simpan Tembeling itu telah dilakukan lebih 20 tahun lalu dan semakin aktif sejak tiga tahun lepas.

Katanya, tindakan itu menyebabkan berlaku ke-



ABDUL JALIL



BADRUL



ROSLI

rosakan kepada ekosistem alam semula jadi di Taman Negara Kuala Tahan terutama melibatkan Sungai Tembeling iaitu pintu masuk ke Taman Negara yang semakin cetek.

"Kawasan pembalakan itu memang berlesen dan tidak berada dalam kawasan Taman Negara tetapi kesannya tetap dirasai seperti hakisan tanah, penghijrahan burung ke tempat lain serta banjir yang semakin teruk.

"Bencana banjir yang melanda Kuala Tahan tahun lalu berpunca daripada aktiviti pembalakan kerana hakisan tanah dan pasir telah menyebabkan sungai

Pembalakan musnahkan ekosistem Sungai Pahang, Taman Negara dan Kuala Tahan



tidak dapat menampung kuantiti air semasa hujan lebat," katanya ketika ditemui *Kosmo!*.

Oleh itu, Abdul Jalil berkata, dia bimbang dengan ekosistem hutan berusia lebih 130 juta tahun di taman negara itu yang mungkin lenyap jika penerokaan hutan berhampiran kawasan tersebut tidak disekat.

"Bukan sahaja taman negara dikhuatiri bakal lenyap malah keseluruhan Sungai Pahang juga musnah kerana Ulu Sungai Tembeling merupakan punca kepada air Sungai Pahang," ujarnya.

Katanya, aktiviti pembalakan di kawasan sekitar Taman Negara Kuala Tahan turut mencemarkan imej keseluruhan Taman Negara di mata pelancong warga asing.

"Pelancong datang untuk melihat keindahan alam semula tetapi terlebih dahulu disajikan dengan pemandangan kilang kayu balak dan lori-lori

yang membawa keluar hasil hutan sebelum tiba di Taman Negara," kata beliau.

Tambahnya, dianggarkan dalam sehari kira-kira 200 hingga 300 buah lori membawa keluar kayu balak menggunakan jalan yang sama untuk ke Taman Negara.

Seorang pemandu pelancong, Badrul Sallehudin, 32, berkata, keadaan air Sungai Tembeling yang cetek dan sentiasa keruh turut memberi tempas kepada pendapatannya yang menjadi pemandu pelancong.

Katanya, keadaan lebih buruk sekiranya hujan turun kerana air Sungai Tembeling mengambil masa tiga hingga empat hari untuk jernih semula.

"Bila saya bawa pelancong menaiki bot sudah tentu mereka hendak mandi sungai tetapi jika air keruh, siapa yang tergamak untuk turun mandi atau bermain air," katanya. Jelas Badrul, kesan

kekeruhan air sungai itu menyebabkan pendapatannya pada tahun ini berkurangan kepada RM3,000 berbanding RM4,000 sebulan pada dua tahun lalu.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Kuala Tahan, Rosli Kamardin, 43, berkata, keadaan air Sungai Tembeling yang semakin cetek turut menyukarkan penduduk kampung untuk keluar ke bandar menggunakan bot.

Terdapat enam buah kampung yang bergantung kepada Sungai Tembeling sebagai laluan keluar ke pekan iaitu Kampung Kuala Tahan, Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Gusai dan Kampung Mat Daling.

"Kalau sebelum ini penduduk kampung tiada masalah untuk menaiki bot besar melalui Sungai Tembeling tetapi ketika ini kami hanya boleh menggunakan bot kecil dan perlu ditolak sendiri jika melalui kawasan cetek," ujarnya.